



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

DOKUMEN SEBUT HARGA KECIL

NOMBOR SEBUT HARGA: IPN 01/2014

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN KERTAS SIMILI

A. ARAHAN DAN SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

1. Kenyataan Tawaran

1.1 Tender ini adalah dipelawa kepada penyebut harga yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah **kod bidang 010201 - Kertas** untuk melaksanakan perkhidmatan membekal dan menghantar kertas simili ke Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan.

1.2 Penyebut harga mestilah eP enabled dan hendaklah memastikan tempoh pendaftarannya dengan Kementerian Kewangan Malaysia sentiasa sah.

1.3 Tarikh Tutup

1.3.1 Tarikh tutup tawaran sebut harga ialah pada **21 Mei 2014** bersamaan hari Rabu pada jam **12.00 tengah hari**.

1.3.2 Tawaran yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

1.4 Dokumen Sebut Harga

Penyebut harga boleh mendapatkan dokumen sebut harga berserta lampiran-lampiran seperti yang dinyatakan di bawah melalui laman sesawang www.ipn.gov.my atau datang sendiri ke kaunter Unit Kewangan, Institut Perakaunan Negara pada hari dan waktu bekerja.

a.	Lampiran 1	Borang Tawaran Harga
b.	Lampiran 2	Jadual Pematuhan Spesifikasi Kertas Simili
c.	Lampiran 3	Surat Akuan Pembida
d.	Lampiran 4	Surat Perwakilan Kuasa

1.5 Penyerahan Dokumen Tawaran Sebutharga

1.5.1 Penyebut harga hendaklah menyerahkan Dokumen Tawaran Sebut Harga (Lampiran 1, 2, 3 dan 4) yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan secara serahan tangan atau email atau faksimili ke alamat seperti berikut:

Institut Perakaunan Negara

Jalan 2 Sungai Lang

45100 Sungai Air Tawar

Selangor Darul Ehsan

No. Tel : 03-3217 2003 / 2010

No. Faks : 03-3217 2009 / 2021

Email : perolehan.ipn@anm.gov.my

(U/P: Urusetia Perolehan, Unit Kewangan IPN)

1.5.2 **Ketidakpatuhan** kepada keperluan ini akan menyebabkan Dokumen Tawaran Sebut Harga **TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN.**

2. Syarat-Syarat Am

Penyebut harga hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan apabila menyertai sebut harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma di bawah ini akan menyebabkan tawaran penyebut harga tidak akan dipertimbangkan.

2.1 Pembiayaan

Penyebut harga akan membiayai segala kos yang terlibat dalam penyediaan dan penghantaran Dokumen Sebut Harga. Pihak JANM tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos yang terlibat dalam proses penyediaan Dokumen Sebut Harga.

2.2 Keperluan Penyertaan Sebut Harga

2.2.1 Penyebut harga diwajibkan menyediakan keperluan infrastruktur dari segi komputer, keperluan komunikasi dan internet serta keupayaan sumber manusia untuk menyertai sebut harga ini dari lokasi penyebut harga sendiri.

2.2.2 Keputusan sebut harga yang dikeluarkan adalah muktamad dan tertakluk kepada Dasar dan Peraturan Perolehan Kerajaan Malaysia.

2.3 Tempoh Sahlaku Tawaran

2.3.1 Tempoh sahlaku tawaran sebut harga adalah **60 hari** daripada tarikh tutup sebut harga.

2.3.2 Dalam keadaan berkecuali, sebelum tamat tempoh sahlaku tawaran asal, JANM boleh meminta **tempoh sahlaku tawaran dilanjutkan**. Permintaan dan jawapan akan dilakukan secara bertulis.

2.3.3 Penyebut harga yang bersetuju dengan permintaan ini **tidak diperlukan atau diminta untuk mengubah tawaran asal**, tetapi hanya diminta untuk melanjutkan tempoh sahlaku sebutharga.

2.4 Harga Tawaran

2.4.1 Harga-harga yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) dan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun serta kos tambahan yang berkaitan seperti kos bungkusan, pembungkusan, penghantaran, cukai atau duti kastam dan lain-lain kos yang bersangkutan dengan pembekalan yang ditawarkan.

2.4.2 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa perkhidmatan berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

2.4.3 Penyebut harga dikenakan kadar fi perkhidmatan bagi perolehan secara elektronik sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM 9,600.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih. Caj yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah Sistem eP.

2.5 Publisiti

Tiada maklumat berkenaan Dokumen Sebutharga boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah, media elektronik atau alat

pengiklanan / media massa kecuali telah mendapat kelulusan daripada JANM terlebih dahulu.

2.6 Tafsiran

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

2.7 Hak Menerima Atau Menolak

2.7.1 JANM berhak menerima atau menolak mana-mana sebut harga dan membatalkan proses tawaran dan menolak semua penyebut harga pada bila-bila masa sebelum sebut harga diberikan tanpa melibatkan apa-apa tanggungan kepada penyebut harga yang terlibat atau **tanpa memerlukan pihak JANM untuk memaklumkan sebab-sebab demikian kepada penyebut harga** yang terlibat.

2.7.2 Pihak JANM adalah berhak mempersetujui tawaran penyebut harga sama ada **kesemuanya atau sebahagian** daripadanya serta menambah atau mengurangkan kuantiti barangan dalam spesifikasi.

2.7.3 Pihak JANM **tidak terikat** untuk menerima tawaran penyebut harga yang terendah sekali atau mana-mana penyebut harga jua pun. Keputusan JANM adalah **muktamad** dan JANM tidak diperlukan untuk memberi sebab penolakan mana-mana penyebut harga.

2.8 Pesanan Tempatan

2.8.1 JANM akan memberi notis bertulis dalam bentuk **Pesanan Tempatan** kepada **penyebut harga yang berjaya** apabila sebut harga dipersetujui dalam tempoh sahlaku sebut harga.

2.8.2 Apabila dipersetujui maka satu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara pihak JANM dengan penyebut harga.

2.9 Penamatan Kontrak

JANM mempunyai hak untuk **menamatkan perkhidmatan pada bila-bila masa** apabila penyebut harga yang berjaya **gagal memenuhi obligasi sebut harga** mengikut perjanjian.

2.10 Pembetulan Kesalahan

2.10.1 Sebarang pindaan atau pembatalan dalam sebut harga oleh penyebut harga selepas dokumen sebut harga dihantar adalah tidak dibenarkan sama sekali.

2.10.2 Jika terdapat apa-apa perbezaan dalam pengiraan di dalam sebut harga ianya akan dibetulkan oleh IPN seperti berikut:-

a) Jika terdapat perbezaan di antara jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, jumlah dalam **bentuk perkataan akan diambilkira.**

b) Jika terdapat perbezaan di antara kadar unit dan jumlah yang didapati daripada pendaraban kadar unit dan bilangan, **kadar unit yang dicatitkan akan diambilkira.**

c) Jumlah yang dinyatakan di atas sebut harga akan diubah oleh IPN mengikut prosidur di atas bagi pembetulan

kesalahan dan penyebut harga adalah terikat atas perubahan ini.

2.11 Hak Milik dan *Deliverables*

2.11.1 Semua laporan dan *deliverables* adalah **hak milik JANM** dan tidak boleh ditiru dan disalin dalam apa-apa bentuk media untuk pihak lain tanpa kebenaran JANM.

2.11.2 Penyebut harga yang berjaya hendaklah memastikan supaya semua kerja disempurnakan pada tarikh atau dalam tempoh yang telah ditetapkan.

2.12 Rasuah

2.12.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

2.12.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

2.12.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan

menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

2.12.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

2.13 Integrity Pact

Penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan projek. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Format Surat Akuan Pembida adalah seperti di **Lampiran 3** dan Surat Perwakilan Kuasa adalah seperti di **Lampiran 4**.

2.14 Pertanyaan

Penyebut harga yang memerlukan sebarang penjelasan mengenai dokumen sebut harga boleh merujuk kepada:

Nama	:	Mohd Zulkifli Bin Zahar / Ahmad Halimi Bin Main
Alamat	:	Institut Perakaunan Negara (IPN) Jalan 2 Sungai Lang 45100 Sungai air Tawar Selangor Darul Ehsan
Telefon	:	03-3217 2003 / 2010
Faks	:	03-3217 2009 / 2021
E-mel	:	perolehan.ipn@anm.gov.my

2.15 Peringatan

Penyebut harga hendaklah memastikan maklumat yang dikemukakan adalah lengkap. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat akan menyebabkan cadangan tawaran sebut harga tersebut tidak akan dipertimbangkan.

B. SKOP PERKHIDMATAN

1. Membekal Dan Menghantar Kertas Simili

Penyebut harga yang berjaya hendaklah membekal dan menghantar bekalan kertas simili ke Institut Perakaunan Negara, Jalan 2, Sungai Lang, 45100 Sungai air Tawar, Selangor Darul Ehsan.

2. Spesifikasi Bekalan Kertas Simili

2.1 Penyebut harga hendaklah membekalkan bekalan kertas simili berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan seperti berikut:

1. Kertas Simili Berwarna Putih		
Perkara	Spesifikasi	Kuantiti Diperlukan
Saiz	A4 (210mm X 297mm)	1200 rim
Berat	80 gsm	
Warna	Putih bersih	
Kecerahan	95% - 100%	
Kadar Licin Kertas	Sekurang-kurangnya 95%	
Helaian Per Rim	450 hingga 500 helai	
Sesuai Digunakan Pada Semua Mesin Penyalin Terutamanya Jenis <i>Heavy Duty/High Speed</i> Dan Semua Pencetak		
2. Kertas Simili Berwarna Biru Muda		
Saiz	A4 (210mm X 297mm)	10 rim
Berat	80 gsm	
Warna	Biru Muda	
Kadar Licin Kertas	Sekurang-kurangnya 95%	
Helaian Per Rim	450 hingga 500 helai	
Sesuai Digunakan Pada Semua Mesin Penyalin Terutamanya Jenis <i>Heavy Duty/High Speed</i> Dan Semua Pencetak		
3. Kertas Simili Berwarna Cyber Red		
Saiz	A4 (210mm X 297mm)	10 rim
Berat	80 gsm	
Warna	Cyber Red	
Kadar Licin Kertas	Sekurang-kurangnya 95%	
Helaian Per Rim	450 hingga 500 helai	
Sesuai Digunakan Pada Semua Mesin Penyalin Terutamanya Jenis <i>Heavy Duty/High Speed</i> Dan Semua Pencetak		

4. Kertas Simili Berwarna Ivory/Krim		
Saiz	A4 (210mm X 297mm)	10 rim
Berat	80 gsm	
Warna	Ivory/Krim	
Kadar Licin Kertas	Sekurang-kurangnya 95%	
Helaian Per Rim	450 hingga 500 helai	
Sesuai Digunakan Pada Semua Mesin Penyalin Terutamanya Jenis <i>Heavy Duty/High Speed</i> Dan Semua Pencetak		
5. Kertas Simili Berwarna Kuning		
Saiz	A4 (210mm X 297mm)	20 rim
Berat	80 gsm	
Warna	Kuning	
Kadar Licin Kertas	Sekurang-kurangnya 95%	
Helaian Per Rim	450 hingga 500 helai	
Sesuai Digunakan Pada Semua Mesin Penyalin Terutamanya Jenis <i>Heavy Duty/High Speed</i> Dan Semua Pencetak		
6. Kertas Simili Berwarna Merah		
Saiz	A4 (210mm X 297mm)	10 rim
Berat	80 gsm	
Warna	Merah	
Kadar Licin Kertas	Sekurang-kurangnya 95%	
Helaian Per Rim	450 hingga 500 helai	
Sesuai Digunakan Pada Semua Mesin Penyalin Terutamanya Jenis <i>Heavy Duty/High Speed</i> Dan Semua Pencetak		
7. Kertas Simili Berwarna Merah Jambu (Pink)		
Saiz	A4 (210mm X 297mm)	5 rim
Berat	80 gsm	
Warna	Merah Jambu (Pink)	
Kadar Licin Kertas	Sekurang-kurangnya 95%	
Helaian Per Rim	450 hingga 500 helai	
Sesuai Digunakan Pada Semua Mesin Penyalin Terutamanya Jenis <i>Heavy Duty/High Speed</i> Dan Semua Pencetak		
8. Kertas Simili Berwarna Putih A3		
Saiz	A3 (297mm X 420mm)	10 rim
Berat	80 gsm	
Warna	Putih Bersih	
Kadar Licin Kertas	Sekurang-kurangnya 95%	
Helaian Per Rim	450 hingga 500 helai	
Sesuai Digunakan Pada Semua Mesin Penyalin Terutamanya Jenis <i>Heavy Duty/High Speed</i> Dan Semua Pencetak		

2.2. Bekalan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada spesifikasi yang ditetapkan boleh ditolak oleh pihak JANM.

2.3 Apabila diminta, penyebut harga hendaklah memindahkan bekalan yang ditolak itu atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri dan ia hendaklah membayar balik kepada JANM segala perbelanjaan yang telah dilakukan bersangkutan bekalan yang ditolak tersebut.

2.4 Perenggan 2.2 dan 2.3 di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak JANM untuk mendapatkan gantirugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

3. Tempoh Pelaksanaan Perkhidmatan

Penyebut harga yang berjaya hendaklah membekal dan menghantar kertas simili yang dicadangkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh Pesanan Tempatan. Sekiranya penyebut harga yang berjaya tidak dapat melaksanakan perkhidmatan mengikut spesifikasi yang ditetapkan di atas dalam tempoh yang ditetapkan, IPN berhak mengenakan denda melalui pemotongan nilai invois yang dituntut oleh penyebut harga.

4. Denda

Sekiranya Syarikat gagal melaksanakan pembekalan dalam tempoh yang ditetapkan atau dalam tempoh lanjutan yang dipersetujui bersama di antara Kerajaan dan Syarikat, maka Syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah menerima notis denda daripada Kerajaan. Kadar denda adalah satu peratus (1%) daripada Nilai Kontrak untuk setiap hari kelewatan.

5. Jaminan

5.1 Penyebut harga hendaklah memberi jaminan bahawa bekalan yang dihantar adalah berkualiti dan memuaskan hati Kerajaan, baru, tulen

dan bebas daripada kecacatan akibat bungkus atau pembungkusan yang tidak mencukupi.

5.2 Sekiranya bekalan yang dihantar adalah tidak berkualiti atau tidak memuaskan hati Kerajaan atau apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkus atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, penyebut harga hendaklah menggantikan bekalan yang baru tanpa mengenakan sebarang caj tambahan kepada Kerajaan.

6. Pemeriksaan

JANM sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa bekalan itu semasa penyerahan bekalan tersebut dan penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan apabila dikehendaki.